

# TANGANI MILITAN IS

Oleh **NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**

**P**ENGLIBATAN rakyat kita dengan kumpulan militan Negara Islam (IS) dilihat semakin membimbangkan. Mutakhir ini terlalu kerap kita didedahkan dengan berita dan laporan tentang penglibatan rakyat negara ini daripada pelbagai latar belakang dengan kumpulan ini.

Seolah-olah sudah menjadi satu trend yang sukar dibendung. Ada yang berjaya ditahan sebelum berangkat ke Syria, ada yang ditahan terlibat dengan proses merekrut anak tempatan dan ada pula yang dikenal pasti sudah berada di Syria dan terlibat dengan aktiviti kumpulan ini.

Lebih membimbangkan apabila Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman mendedahkan trend baharu iaitu penghijrahan rakyat kita bersama seisi keluarga untuk menyertai kumpulan militan ini atas dasar mahu berjihad.

Menurut Ketua Penolong Pengarah bahagian itu, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay setakat ini pihak mereka mengesan sebanyak lapan pasangan berada di negara bergolak tersebut bersama lima anak yang berusia satu hingga 12 tahun.

Mereka ialah antara 61 rakyat Malaysia yang dikenal pasti berada di negara Asia Barat itu termasuk 10 wanita dan enam kakitangan kerajaan daripada pelbagai jabatan dengan kes 'penghijrahan' keluarga terbaharu ialah sepasang suami isteri serta seorang anak mereka berusia lima tahun yang berasal dari Pulau Pinang.

Sebelum ini pihak berkuasa berjaya menahan beberapa rakyat kita yang terlibat dengan kumpulan ini termasuk kakitangan kerajaan dan suri rumah dan kita juga masih ingat lagi penahanan seorang remaja perempuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini kerana dipercayai cuba menyertai kumpulan militan IS di Syria.

Perkembangan ini bukan sahaja mengejutkan kita, malah mula mencetuskan rasa kebimbangan dalam kalangan masyarakat.



**Maka kita tidak boleh membiarkan isu ini terus mencengkam masyarakat kita dan terus menjadi duri dalam daging memburukkan nama negara dan juga agama Islam di mata dunia. Kita tidak boleh menghalang rakyat luar menyertai kumpulan militan ini tetapi kita sewajarnya mampu mengekang dan menghalang penglibatan rakyat kita sendiri dalam kelompok ekstremis seperti ini.**

Suspek yang baru berusia 14 tahun dan berasal dari Muar, Johor ditahan polis sejurus sebelum menaiki pesawat ke Mesir sebagai negara transit ke Syria. Malah pendedahan terkini penglibatan dua pemuda anggota IS Malaysia yang dikesan terlibat dalam rakaman video penyembelihan rakyat Syria di negara bergolak tersebut cukup mengejutkan dan membimbangkan khalayak.

Jelas keadaan semakin menjadi luar kawalan dan terus mencetuskan kerisauan dalam kalangan masyarakat kita. Dan ternyata penglibatan rakyat negara ini bersama kumpulan militan IS di Syria sudah mula melampau dan tersasar daripada ajaran Islam sebenar. Apakah budaya sebegini yang diajar dalam Islam? Adakah kita dibenarkan dengan sewenang-wenangnya membakar secara hidup-hidup dan menyembelih orang begitu saja?

Apa yang pasti ideologi songsang yang menghalalkan mereka melakukan tindakan ganas dan kejam dengan konsep jika kita bukan daripada kumpulan berkenaan, mereka boleh bunuh dan sembelih walau-

pun sesama Islam adalah lari jauh dari amalan, pegangan, budaya dan ajaran Islam yang sebenar.

Lebih mengecewakan apabila tindak tanduk sebegini sudah mula menjejaskan nama baik Islam secara khususnya dan umat Islam secara umumnya yang mula digelar sebagai pengganas oleh pihak Barat.

Ironinya, penglibatan rakyat kita yang dilihat semakin meningkat ini pula mula menjejaskan reputasi dan nama baik negara kita yang selama ini dihormati oleh dunia luar sebagai sebuah negara Islam yang sederhana dan berjaya.

Maka kita tidak boleh membiarkan isu ini terus mencengkam masyarakat kita dan terus menjadi duri dalam daging memburukkan nama negara dan juga agama Islam di mata dunia.

Kita tidak boleh menghalang rakyat luar menyertai kumpulan militan ini tetapi kita sewajarnya mampu mengekang dan menghalang penglibatan rakyat kita sendiri dalam kelompok ekstremis seperti ini.

Namun penulis sedar, perkara ini bukanlah suatu tugas yang mudah dan sudah semestinya bukan tanggungjawab pihak berkuasa semata-mata. Sampai bilakah kita hanya mahu meletakkan tanggungjawab ini pada bahu pihak berkuasa dan mengharapkan mereka terus menahan rakyat kita yang terlibat? Sedarlah bahawa ini bukan tugas yang mudah. Ia memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak.

Apa yang jelas pihak berkuasa dilihat sudah mula proaktif dengan melakukan beberapa siri operasi khas sehingga boleh menahan mereka yang disyaki terlibat termasuk sempat menahan rakyat kita di lapangan terbang yang mahu berangkat untuk menyertai kumpulan ini. Kita wajar memuji tindakan pantas pihak berkuasa terbabit.

Tetapi percayalah itu belum mencukupi. Jangan lupa bahawa mereka yang terlibat ini juga cukup licik dengan pelbagai strategi untuk mengaburi mata pihak berkuasa. Ternyata masih ada yang ligat merekrut rakyat kita yang mudah terpengaruh dengan 'panggilan jihad' termasuk penggunaan media sosial untuk menarik perhatian

golongan muda.

Justeru kita berharap agar peranan institusi keluarga diperkukuhkan lagi dalam hal ini supaya dapat membantu menangani ancaman kumpulan tersebut. Hal ini cukup penting dan signifikan kerana keluarga terutamanya ibu bapa adalah individu yang paling rapat dengan anak-anak mereka. Maka kita berharap peman-tauan secara lebih serius termasuk gerak geri, tindak tanduk dan aktiviti anak-anak dalam media sosial diberi perhatian yang serius.

Agak menyedihkan ada ibu bapa yang terkejut bila dimaklumkan anak mereka terlibat dalam kumpulan militan ini. Perkara ini tidak sewajarnya berlaku. Ini jelas menunjukkan rapuhnya institusi kekeluargaan kita yang selama ini tidak memainkan peranan yang sewajarnya. Semoga kita mengambil iktibar daripada kejadian sebegini agar tidak berulang dan merosakkan anak muda kita dengan hala tuju berisiko dan bahaya seperti ini.

Di samping itu kita memohon agar pihak berkuasa terus melipatgandakan usaha meneruskan operasi pencegahan supaya dapat mengekang dan membanteras gejala ini dari terus mempengaruhi dan merosakkan pemikiran rakyat kita. Penulis menaruh kepercayaan dan keyakinan yang penuh terhadap pihak berkuasa yang mampu melakukannya dengan baik.

Pihak berkuasa agama juga perlu lebih proaktif dalam isu ini. Beri penerangan yang terperinci kepada semua golongan sasaran dengan lebih kerap supaya semua pihak memahami konsep sebenar perjuangan IS supaya dapat menyedarkan rakyat sebelum terlambat atau sebelum nasi menjadi bubur.

Justeru semua pihak perlu ber-ganding bahu untuk mengekang dan membanteras pengaruh kumpulan militan seperti ini sekaligus membersihkan nama baik dan imej agama dan juga umat Islam di seluruh dunia. Tugas membersihkan nama baik Islam dan menangani kumpulan militan ini perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia